



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

17 Februari 2021

9 Rejab 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rasuah : Bekas pegawai Jabatan Perikanan didenda RM25,000• Sungai cetek jejas tangkapan nelayan• Pentemak ikan keli buang telur busuk, darah ayam dikompaun
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Buang darah ayam, telur busuk ke sungai
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Now	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
The Borneo Post	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		17	17/2/2021

UM M/S 17/2/2021

Rasuah: Bekas pegawai Jabatan Perikanan didenda RM25,000

MELAKA: Gara-gara menerima suapan RM4,000, seorang bekas Penolong Pegawai Perikanan Jabatan Perikanan negeri didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Datuk Mohd. Nasir Nordin menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Abd. Rahim Ali, 63, yang mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai seorang penjawat awam iaitu penolong pegawai perikanan yang bertugas di Cawangan Pengembangan dan Pemindahan Teknologi telah menerima suapan wang tunai RM4,000 daripada seorang individu, Rahim Maarof, 60.

Tindakan itu dilakukan tertuduh sebagai upah untuk memberikan kerja-kerja pembekalan tong insulasi 75 liter sebanyak 90 unit bagi program *touch point* jabatan berkenaan.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh antara pukul 11.30 pagi hingga 1 petang di Jabatan Perikanan Melaka di Batu Berendam dekat sini pada 8 Ogos 2017.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Irwan Shah Abdul Samat yang memohon hukuman setimpal diberikan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan masyarakat.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31		
							17/2/2021		

UM MS 31 17/2/2021

Sungai cetek jejas tangkapan nelayan

PONTIAN: Kira-kira 60 nelayan dari pangkalan Sungai Chengkeh, Serkat di sini berdepan kesukaran melakukan aktiviti menyauk dan menjaring ikan disebabkan sungai di kawasan tersebut semakin cetek.

Mereka mendakwa keadaan tersebut disebabkan aktiviti perindustrian di Tanjung Bin yang semakin pesat termasuk kerja-kerja penambakan bagi meluaskan kawasan projek berkenaan.

Seorang nelayan, **Roslan Ismail**, 57, berkata, Sungai Chengkeh kini tidak lagi dianggap sebagai 'syurga' kepada nelayan yang sebelum ini popular sebagai tempat golongan itu menjala udang.

Namun disebabkan pembangunan di kawasan tersebut, Ro-

slan berkata, mereka tidak boleh menjalankan aktiviti itu kerana sungai tersebut semakin hari semakin cetek dan hanya sebagai laluan keluar masuk.

"Bagi mencari rezeki, kami terpaksa keluar ke kawasan sungai lebih dalam seperti ke Sungai Peradin, Sungai Belokok dan sebagainya," katanya semalam.

Tambah Roslan, hasil tangkapan udang pula berkurangan hanya sekitar sembilan ke 10 kilogram setiap kali turun dengan udang gred A dijual pada harga RM30 sekilogram manakala gred lain kurang daripada itu.

Sementara itu, **Azhar Mohd. Diah**, 49, berkata, walaupun nelayan kini berdepan ekosistem yang kurang sempurna disebabkan

kan pembangunan, namun, mereka tiada pilihan lain.

Katanya, rata-rata mereka telah menjadikan aktiviti menjaring udang dan ikan sebagai satu sumber pendapatan utama untuk menyara keluarga kerana tiada pendapatan lain.

"Susah atau senang turun ke laut, anak-anak di rumah tetap perlu disediakan makanan, pakaian selain keperluan persekolahan walaupun hanya memperoleh pendapatan sekadar membeli keperluan harian," katanya.

Bagi **Sulaiman Mohd. Salleh**, 78, pula, dia akan terus mencari rezeki sebagai nelayan yang telah menjadi darah dagingnya sejak berusia belasan tahun dengan dibantu anak lelakinya.



SULAIMAN Md. Salleh (kiri) bersama anaknya bersiap untuk turun menangkap ikan di Pengkalan Nelayan Sungai Chengkeh, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	17/2/2021

Penternak ikan keli buang telur busuk, darah ayam dikompaun



NORHIZAM Hassan Baktee (kanan) dan Faizah Abdul Rahman ketika sidang akhbar berkenaan sebuah syarikat penternakan ikan keli di Kompleks Japerun Pengkalan Baru, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

- Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA
- 16 Februari 2021, 9:00 pm

MELAKA: Badan Kawal Seliair Air (BKSA) Melaka mengambil tindakan tegas dengan mengkompaun sebuah syarikat penternakan ikan keli dengan nilai RM12,000.

Ia susulan tindakan tidak bertanggungjawab syarikat yang beroperasi di Masjid Tanah, dekat sini melepaskan sisa kolam ternakan ikan yang berbau seperti telur busuk dan darah ayam ke sebatang sungai.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, serbuan dilakukan sepasukan penguatkuasa semalam, hasil aduan yang dibuat oleh orang ramai kerana sungai di kawasan itu tiba-tiba mengeluarkan bau busuk sehingga ke pekan.

"Hasil pemeriksaan dijalankan mendapati pihak syarikat telah dengan cuai melepaskan sisa kolam ikan keli tersebut ke sebatang sungai berhampiran.

"Difahamkan sisa kolam tersebut berbau kuat ekoran pengusaha telah menggunakan telur busuk dan darah ayam sebagai makanan ikan dalam kolam berkenaan.

"Disebabkan itu, syarikat terbabit telah dikenakan kompaun sebanyak RM12,000 bagi kesalahan pertama," katanya ketika sidang akhbar di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pengkalan Batu di sini, hari ini.

Yang turut hadir Pengarah BKSA, Faizah Abdul Rahman.

Tambah Norhizam lagi, tindakan kompaun itu dibuat mengikut peruntukan di bawah Seksyen 39 (A) Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka).

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu berkata, kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan tersebut, apatah lagi membabitkan pencemaran sumber air negeri.

"Kita akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pengusaha atau usahawan di negeri ini sekiranya mendapati dengan sengaja menyebabkan pencemaran air dan alam sekitar.

"Saya juga menyeru kepada orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai pencemaran sungai untuk membuat laporan kepada pihak BKSA atau pihak bertanggungjawab yang lain," tegasnya. – UTUSAN ONLINE

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	
					27	17/2/2021

S4 m/s 27 17/2/2021

Buang darah ayam, telur busuk ke sungai

Syarikat ternak ikan keli dikompaun RM12,000

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Sebuah syarikat penternak ikan keli dikenakan kompaun RM12,000 pada Isnin susulan melepaskan sisa darah ayam dan telur busuk ke sungai tahun lalu.

Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, kompaun tersebut dikeluarkan oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka yang telah melakukan siasatan di lokasi itu susulan menerima aduan berhubung air sungai berbau busuk dan kejadian ikan mati.

Menurutnya, hasil pemeriksaan yang dijalankan bahagian penguatkuasaan BKSA mendapati air kotor dari kolam keli terbabit dilepaskan ke Sungai Baru Masjid Tanah tanpa dirawat terlebih dahulu dan perbuatan itu menyalahi undang-undang di bawah peruntukan Seksyen 39 (a) Enekmen Sumber Air (Negeri Melaka).

"Pemilik syarikat telah cuai melepaskan sisa darah ayam, telur busuk dan air dari kolam keli ke sungai dan dikenakan



Norhizam (kanan) menunjukkan salinan keratan akhbar *Sinar Harian* 19 Februari 2020 perhubung pencemaran di Sungai Baru Masjid Tanah ketika sidang akhbar di Kompleks Japerun Pengkalan Batu pada Selasa.

kompaun sebanyak RM12,000 bagi kesalahan pertama.

"Sekiranya terdapat kesalahan berulang, jumlah kompaun maksimum akan dikenakan iaitu sebanyak RM125,000 atau RM1,000 setiap hari," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di Kompleks Japerun Pengkalan Batu, Bachang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah BKSA Melaka, Faizah Abdul Rahman.

Tahun lalu *Sinar Harian* melaporkan tindakan pengusaha ikan keli yang menggunakan darah dan telur ayam busuk se-

bagai makanan ikan dalam kolam terbongkar berikutan terdapat pencemaran yang dikesan di Sungai Baru Masjid Tanah.

Kolam ternakan ikan keli tersebut dipercayai memperoleh sisa darah itu dari sebuah kilang penyembelihan ayam.

Mengulas lanjut, Norhizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu berkata, kerajaan negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang melakukan kesalahan seumpama itu terutama melibatkan keselamatan sumber air serta bekalan air untuk rakyat.